

## BAB 6

### RUMUSAN KAJIAN

#### 6.0 Pengenalan

Bab ini adalah bab rumusan yang akan merumus tentang dapatan kajian berdasarkan analisis yang telah dibuat dalam Bab 4, iaitu analisis Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Melayu dan Bab 5, iaitu analisis Penggunaan Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar.

Sikap terhadap bahasa Melayu di kalangan pelajar dirumuskan dari aspek sikap mereka secara umum terhadap bahasa Melayu, sebab-sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu dan motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu. Penggunaan bahasa pelajar pula dirumuskan dari aspek domain pemilihan bahasa, percampuran kod, penyesuaian pertuturan dan diglosia.

Berdasarkan rumusan sikap pelajar terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya, dilihat pula perkaitan di antara sikap dan penggunaan bahasa Melayu dan perkaitan dasar bahasa negara Thai dengan sikap dan penggunaan bahasa Melayu.

## 6.1 **Rumusan Sikap Pelajar Terhadap Bahasa Melayu**

Berdasarkan analisis yang telah dibuat dalam Bab 4, jelas menunjukkan secara keseluruhannya, semua responden dalam kajian ini bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu. Sikap positif responden ini tergambar melalui angka dan peratusan responden yang bersetuju dengan kenyataan-kenyataan yang berkaitan dengan sikap responden, iaitu sikap pelajar secara umum terhadap bahasa Melayu, sebab-sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu.

### 6.1.1 **Sikap Pelajar Secara Umum Terhadap bahasa Melayu**

Dapatan kajian menunjukkan responden kedua-dua universiti bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu. Daripada Jadual 4.1 dan Jadual 4.2 mengesahkan hampir semua pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Melayu di PSU dan WU bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu. Bagi responden yang dikaji, bahasa Melayu mudah dipelajari, amat menarik, bahasa yang penting untuk komunikasi di rantau Asia Tenggara dan banyak bunyi yang sedap didengar dalam bahasa Melayu. Namun begitu, jika dibuat perbandingan di antara kedua-dua kumpulan responden, responden dari PSU bersikap lebih positif berbanding dengan responden dari WU.

Semua faktor atau angkubah iaitu universiti, bahasa ibunda, jantina dan agama tidak begitu mempengaruhi dapatan kajian. Namun, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2, jika dibuat perbandingan di antara kedua-dua kumpulan responden, secara purata responden dari PSU bersikap lebih positif berbanding dengan responden dari WU. Responden yang berbahasa ibunda bahasa Melayu bersikap lebih positif terhadap bahasa Melayu, berbanding dengan responden yang berbahasa ibunda bahasa Thai. Responden lelaki bersikap lebih positif daripada responden perempuan. Walaupun begitu dari segi bilangan, responden lelaki amat kurang berbanding responden perempuan. Responden yang beragama Islam bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu, berbanding dengan responden yang beragama Buddha.

#### **6.1.2 Rumusan Sebab-sebab Pelajar Mempelajari Bahasa Melayu**

Terdapat beberapa sebab responden mempelajari bahasa Melayu di kedua-dua universiti. Hasil kajian menunjukkan dapatan kajian ini sama seperti dapatan kajian Mohd. Samsuddin Mahmud (1992) dari dua aspek, iaitu sebab-sebab pelajar bersikap positif dalam mempelajari bahasa Melayu adalah kerana mata pelajaran ini merupakan kursus wajib dan pelajar tertarik hati kepada subjek bahasa Melayu. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian Ibtisam Naji (1999) dari aspek pelajar suka kepada bahan rujukan yang diberi oleh pensyarah dan pelajar tertarik dengan cara guru mengajar. Sebab-sebab lain pelajar mempelajari bahasa Melayu adalah kerana pelajar lebih berminat terhadap subjek

bahasa berbanding subjek lain, pelajar beranggapan mudah mendapat markah tinggi, pelajar tertarik dengan cara guru mengajar dan banyak buku tentang agama Islam ditulis dalam bahasa Melayu (hanya bagi pelajar yang beragama Islam). Sebab yang berkaitan dengan agama Islam ini adalah sama seperti dapatan Ibtisam Naji (1999), bezanya hanya dari aspek bahasa, iaitu dalam kajian Ibtisam Naji, bahasa yang dimaksudkan adalah bahasa Arab, manakala dalam kajian ini bahasa Melayu.

Faktor yang jelas mempengaruhi sebab pelajar mempelajari bahasa Melayu ini adalah angkuh agama. Oleh itu, majoriti responden yang beragama Islam bersetuju dengan kenyataan bahawa banyak buku tentang agama Islam ditulis dalam bahasa Melayu. Jumlah responden yang beragama Islam dalam kajian ini adalah 114 orang, yakni 77.5 peratus. Bagi responden yang beragama Buddha pula kenyataan ini jelas tidak relevan dengan sebab mereka mempelajari bahasa Melayu. Oleh itu, semua responden yang beragama Buddha tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Dari segi realiti, memang di Thailand bahasa Melayu dikaitkan dengan agama Islam.

### **6.1.3 Rumusan Motivasi Pelajar Mempelajari Bahasa Melayu**

Secara umum motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu adalah bersifat integratif, instrumental dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang. Motivasi integratif tersebut adalah mereka beranggapan bahawa penting bagi

mereka mempelajari bahasa Melayu untuk tujuan berhubung di kampung/daerah tempat tinggal mereka, mudah untuk berhubung kerana mereka ingin berkahwin dengan Thai Muslim, mudah untuk berhubung dengan golongan tua di kalangan Thai Muslim, rakan-rakan suka berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu dalam Dialek Patani dan, untuk mudah berhubung dengan kawan-kawan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia.

Hasil daripada pemerhatian didapati bahasa Melayu dialek Patani memang merupakan bahasa perhubungan yang digunakan di kampung-kampung terutamanya di empat wilayah, iaitu Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun. Bahasa Melayu merupakan bahasa utama dalam perbualan di kalangan masyarakat Islam di wilayah-wilayah tersebut di samping digunakan sebagai bahasa untuk melafazkan nikah bagi pengantin lelaki seperti yang dibincangkan dalam Bab 1, iaitu 1.5.2. Maka dapatlah dirumuskan di sini motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu adalah bersifat integratif.

Responden juga mempelajari bahasa Melayu kerana orientasi yang bersifat instrumental, iaitu mereka bercadang untuk bekerja di Malaysia dan pengetahuan bahasa Melayu memudahkan mereka untuk mendapat pekerjaan di Selatan Thai. Dapatan ini sama seperti dapatan kajian Anisfield dan Lambert (1961), Lukmani (1972), Rajagopal (1976), Kamsiah Abdullah (1984), Nurhizan Abdul Manab (1996), Salim dan Feuerverger (1996) dan Chhaya Sawhney (1998) yang mendapati motivasi pelajar adalah untuk mendapat peluang pekerjaan.

Melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia juga merupakan motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian Rajagopal (1976), Oller, Hudson dan Liu (1977) dan Kamsiah Abdullah (1984), yang mendapati antara motivasi pelajar mempelajari bahasa Inggeris dalam kajian mereka adalah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi atau universiti.

Dalam kajian ini didapati, berniaga atau berdagang di Malaysia juga merupakan motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu. Dapatan ini sama seperti kajian Oller, Hudson dan Liu (1977) tentang motivasi pelajar mempelajari bahasa Inggeris dan Chhaya Sawhney (1998) tentang motivasi pelajar mempelajari bahasa Jerman, iaitu pelajar mempelajari bahasa-bahasa tersebut untuk tujuan perniagaan.

Motivasi bersifat instrumental yang lain adalah mudah untuk mendapatkan maklumat dan hiburan dari media Malaysia, bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara keagamaan dan bahasa Melayu membolehkan responden terlibat dengan aktiviti masjid dan memudahkan mereka untuk berdakwah. Kedudukan Selatan Thai yang bersempadan dengan Malaysia menyebabkan mudah bagi penduduk di kawasan ini media seperti surat khabar, majalah dan siaran TV dari Malaysia. Disebabkan sejak 500 tahun dahulu bahasa Melayu telah menjadi bahasa agama Islam atau bahasa penyebaran agama Islam di kawasan tersebut. Maka didapati, sehingga hari ini masyarakat di kawasan tersebut masih

menggunakan bahasa Melayu, untuk tujuan penyebaran dan pengajaran agama Islam. Oleh itu, bagi responden yang beragama Islam, antara motivasi mereka mempelajari bahasa Melayu adalah bersifat keagamaan, iaitu bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara keagamaan, alat yang membolehkan responden terlibat dengan aktiviti masjid dan sebagai alat untuk memudahkan mereka berdakwah. Dapatan kajian ini mempunyai sedikit persamaan dengan kajian Ibtisam Naji (1999) tentang motivasi pelajar di Malaysia mempelajari bahasa Arab yang dikaitkan dengan agama Islam. Walau bagaimanapun, di Malaysia bahasa Arab tidak digunakan sebagai alat yang membolehkan responden terlibat dengan aktiviti masjid dan alat untuk memudahkan mereka berdakwah. Tetapi, di Selatan Thailand, bahasa Melayu memang digunakan sebagai alat atau bahasa perhubungan dalam aktiviti masjid, terutama di wilayah-wilayah yang bersempadan dengan Malaysia.

Responden juga mempelajari bahasa Melayu kerana motivasi yang bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa dan budaya ibunda/nenek moyang, iaitu kerana galakan daripada ibu bapa supaya responden tahu bahasa keturunan mereka yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara mara. Responden juga berasa penting untuk mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa ini adalah bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang mereka. Bahasa Melayu juga membolehkan pelajar meneruskan adat resam warisan nenek moyang mereka. Responden juga beranggapan sebagai orang Jawi (Melayu), mereka patut tahu bahasa Melayu. Di samping itu, ibu bapa mengatakan responden patut belajar

bahasa Melayu, sekiranya ingin meneruskan tradisi dan cara hidup nenek moyang mereka. Didapati juga hanya responden yang beragama Islam sahaja yang mempelajari bahasa Melayu kerana motivasi yang bersifat identiti dan kesetiaan kepada bahasa dan budaya ibunda/nenek moyang ini.

Para pengkaji sebelum ini mengatakan positif atau negatifnya sikap pelajar terhadap sesuatu bahasa amat bergantung kepada peranan, fungsi, tanggapan dan nilai yang diberi oleh pelajar kepada bahasa tersebut. Jakobovits (1965), Lambert *et.al*, (1960), dan Asmah Hj. Omar (1998) mengatakan pelajar akan cenderung untuk bersikap positif terhadap sesuatu bahasa sekiranya bahasa itu mempunyai nilai prestij. Sehubungan itu, berdasarkan kedudukan dan fungsi bahasa Melayu di Selatan Thai, didapati di negara Thai bahasa ini hanyalah bahasa kumpulan minoriti dan tidak mendapat tempat di dalam pentadbiran negara. Oleh sebab bahasa ini merupakan bahasa kumpulan minoriti, dapatlah dikatakan bahasa ini tidak mempunyai nilai prestij. Dengan demikian, dapatan kajian ini adalah bercanggah dengan dapatan pengkaji-pengkaji tersebut. Didapati, walaupun bahasa Melayu tidak mempunyai nilai prestij di negara Thai, pelajar bersikap amat positif terhadap bahasa ini.

Pengkaji-pengkaji seperti Lukmani (1972), Sally (1981), Asmah Hj Omar (1992) pula mengatakan pelajar akan bersikap positif kepada bahasa yang membawa kemodenan. Didapati kedudukan bahasa Melayu di Selatan Thai ini tidak menunjukkan bahasa ini membawa kemodenan. Tambahan pula



kebanyakan orang Thai yang hanya tahu menggunakan bahasa Melayu dialek Patani tidak akan mendapat peluang pekerjaan, sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta. Untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi, mereka haruslah boleh berbahasa Thai dengan baik, dan di negara ini hanya bahasa Thai sahaja yang dipilih sebagai bahasa pentadbiran dan pengantar persekolahan.

Pengkaji-pengkaji seperti Anisfield dan Lambert (1961), Rajagopal (1976), Kamsiah Abdullah (1984), Lukmani (1972), Nurhizan Abdul Manab (1996), Salim dan Feuerverger (1996) pula mendapati pelajar akan bersikap positif terhadap bahasa yang boleh membaiki taraf hidup atau peluang pekerjaan. Dapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa, antara sebab responden dalam kajian ini bersikap positif terhadap bahasa Melayu adalah selari dengan dapatan pengkaji-pengkaji di atas, iaitu responden bersikap positif terhadap bahasa yang boleh membaiki taraf hidup atau peluang pekerjaan. Soalan-soalan yang bersifat motivasi instrumental yang dikemukakan melalui Soal Selidik Bahagian C, soalan 12, iaitu: a. *Saya bercadang untuk bekerja di Malaysia*, b. *Saya bercadang untuk melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia*, c. *Saya bercadang untuk berniaga dan berdagang di Malaysia*, dan d. *Dengan mengikuti kursus bahasa Melayu memudahkan saya mendapat pekerjaan di Selatan Thai*, telah mengesahkan kenyataan ini. Peratus responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut amat tinggi.

Dapatlah dirumuskan di sini, walaupun kedudukan bahasa Melayu di negara Thai tidak mempunyai nilai prestij, adalah bahasa kumpulan minoriti, dan tidak membawa kemodenan, namun begitu fungsi bahasa Melayu di Malaysia (iaitu jiran terdekatnya) sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara menjadikan pelajar yang bercita-cita untuk menyambung pelajaran ke Malaysia atau yang bercita-cita untuk bekerja di Malaysia atau yang bercita-cita untuk berniaga di Malaysia bersikap positif mempelajari bahasa Melayu kerana orientasi instrumental.

Hasil daripada temu bual dengan pelajar, didapati kedudukan Selatan Thai yang lebih dekat dengan Kuala Lumpur berbanding dengan Bangkok, menjadikan pelajar berpendapat belajar di Malaysia lebih sesuai, kerana jarak tersebut memudahkan mereka untuk pulang ke kampung halaman. Seperkara lagi, oleh sebab lebih daripada 75 peratus responden adalah beragama Islam, mereka bertanggapan belajar di Malaysia lebih baik, kerana mudah untuk mendapatkan makanan halal berbanding dengan di Bangkok. Ramai juga pelajar yang bercita-cita untuk bekerja di Malaysia kerana mereka berpendapat gaji atau pendapatan di Malaysia lebih baik berbanding dengan gaji atau pendapatan di wilayah tempat tinggal mereka. Di samping itu, pengetahuan bahasa Melayu memudahkan mereka untuk mendapat pekerjaan di kawasan Selatan Thai. Kebanyakan kedai atau pasar raya di bandar yang bersempadan Malaysia seperti Hadyai dan Sungai Kolok merupakan kawasan yang menjadi tumpuan pelancong Malaysia.

Mengetahui bahasa Melayu merupakan satu kelebihan, sekiranya ingin mencari pekerjaan di kawasan tersebut.

Pelajar juga dikatakan bersikap positif terhadap sesuatu bahasa sekiranya bahasa itu penting untuk berinteraksi. Pengkaji-pengkaji seperti Gardner dan Lambert (1959), Spolsky (1969), Rajagopal (1976), (Oller J.W, 1977) telah mengemukakan dan membuktikannya melalui kajian mereka. Kajian yang dijalankan terhadap pelajar-pelajar universiti di Selatan Thai ini juga, telah mengesahkan dan menyokong dapatan pengkaji-pengkaji tersebut. Ini kerana didapati responden dalam kajian ini bersikap positif terhadap bahasa Melayu kerana bahasa Melayu, walaupun merupakan bahasa kumpulan minoriti, merupakan bahasa yang penting untuk berinteraksi khususnya di kawasan sempadan selatan negara Thai yang kira-kira 60 peratus penduduknya adalah beragama Islam dan masyarakatnya amat dipengaruhi oleh cara hidup orang Melayu Malaysia . Dalam Jadual 4.5, iaitu bagi kenyataan-kenyataan yang berorientasi integratif, iaitu m. *Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk membolehkan saya berhubung di kampung/daerah tempat tinggal saya*, n. *Belajar bahasa Melayu dapat memudahkan saya berhubung kerana saya bercadang untuk berkahwin dengan Thai Muslim*, o. *Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk memudahkan saya berhubung dengan golongan tua di kalangan Thai Muslim.*, q. *Belajar bahasa Melayu penting bagi saya kerana kebanyakan rakan-rakan saya suka bertutur menggunakan bahasa Melayu Dialek Patani*, dan r. *Belajar bahasa Melayu penting bagi saya untuk memudahkan saya berhubung*

*dengan kawan-kawan dan saudara mara yang tinggal di sempadan Malaysia,* telah dipersetujui oleh kebanyakan responden. Didapati juga bahasa Melayu amat penting untuk digunakan bagi berinteraksi dengan generasi tua, yakni golongan yang berumur 60 tahun dan ke atas.

Dalam kajian ini, didapati sikap responden terhadap bahasa Melayu turut dipengaruhi oleh faktor jantina sama seperti dapatan Ahmad Masduki bin Komar (1998) dan Chow (2001). Dalam kajian ini, responden lelaki walaupun jumlahnya sedikit berbanding dengan responden perempuan, namun mereka bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu. Ini berbeza dengan dapatan Ahmad Masduki bin Komar (1998) yang mendapati pelajar perempuan bersikap lebih positif berbanding dengan pelajar lelaki terhadap bahasa Inggeris yang dipelajari sebagai bahasa kedua. Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan Ibtisam Naji (1999) yang mengatakan sikap responden yang dikajinya tidak bergantung kepada jantina, sebaliknya sikap pelajar berbeza mengikut kursus yang diikuti. Chow (2001) juga mengatakan sikap responden yang dikajinya terhadap bahasa Inggeris tidak dipengaruhi oleh faktor jantina tetapi dipengaruhi oleh faktor bangsa.

Terdapat satu penemuan yang tidak terdapat dalam kajian pengkaji-pengkaji seperti Jakobovits (1965), Lambert *et.al*, (1960), Asmah Hj. Omar (1998), Sally (1981), Anisfield dan Lambert (1961), Rajagopal (1976), Kamsiah Abdullah (1984), Lukmani (1972), Nurhizan Abdul Manab (1996) Salim dan Feuerverger (1996), Gardner dan Lambert (1959), Spolsky (1969) dan Oller

(1977), iaitu angkuabah agama dan jantina amat mempengaruhi motivasi responden dalam mempelajari bahasa Melayu. Responden yang beragama Islam, terutamanya lelaki mempunyai motivasi yang amat tinggi dalam mempelajari bahasa Melayu. Berdasarkan latar belakang budaya dan cara hidup masyarakat Melayu Islam di Selatan Thai, didapati bahasa Melayu sehingga hari ini masih digunakan lagi dalam urusan nikah kahwin (Seynee Madmar, 1988, 1990). Akad nikah yang dilafazkan oleh pengantin lelaki menggunakan bahasa Melayu. Oleh itu, tidak hairanlah jika responden yang beragama Islam, terutamanya lelaki mempunyai motivasi yang amat tinggi dalam mempelajari bahasa Melayu.

## **6.2 Rumusan Penggunaan Bahasa Melayu di Kalangan pelajar**

Penggunaan bahasa di kalangan pelajar dirumuskan dari beberapa aspek, iaitu domain pemilihan bahasa, percampuran kod, penyesuaian pertuturan dan diglosia.

### **6.2.1 Domain Pemililihan Bahasa**

Bahasa Melayu dikesan sebagai salah satu bahasa yang digunakan oleh responden dalam keenam-enam domain, iaitu domain kekeluargaan, kejiwaan, persahabatan, pentadbiran dan pengurusan, jual beli dan keagamaan. Berdasarkan peratusan bilangan pelajar yang menggunakan bahasa Melayu dalam keenam-

enam domain tersebut, didapati peratusan penggunaan bahasa Melayu tinggi dalam domain kekeluargaan, kejiiran dan keagamaan. Dalam domain pentadbiran dan pengurusan, jual beli dan persahabatan bahasa Melayu amat kurang digunakan, sebaliknya pelajar lebih kerap menggunakan bahasa Thai.

Berdasarkan analisis domain oleh Fishman (1964) dan Parasher (1980), bahasa Melayu didapati digunakan oleh pelajar dalam domain tinggi dan domain rendah. Domain tinggi adalah dalam situasi formal, manakala domain rendah pula dalam situasi tidak formal. Dalam kajian ini, didapati domain tinggi adalah domain keagamaan dan pengurusan dan pentadbiran. Domain kekeluargaan, kejiiran, persahabatan dan jual beli adalah domain rendah. Bahasa Melayu digunakan dalam domain tinggi hanya dalam domain keagamaan bagi pelajar yang beragama Islam sahaja dan tidak digunakan dalam domain pentadbiran dan pengurusan. Dalam domain pentadbiran dan pengurusan bahasa Thai yang digunakan. Dalam domain rendah pula, bahasa Melayu digunakan dalam domain kekeluargaan dan domain kejiiran. Sebaliknya bahasa Thai telah digunakan dengan peratusan yang tinggi dalam domain persahabatan dan jual beli. Bentuk bahasa Melayu yang digunakan dalam domain rendah ini ialah dialek Melayu Patani. Bahasa Melayu Standard digunakan dalam domain keagamaan sahaja.

Tempat tinggal asal responden amat mempengaruhi penggunaan bahasa di kalangan responden yang beragama Islam. Rata-rata responden yang menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Melayu dan bahasa Thai secara

percampuran kod tinggal di wilayah-wilayah yang bersempadan dengan Malaysia atau hampir dengan Malaysia, seperti Yala, Pattani, Narathiwat dan beberapa perkampungan yang masih menggunakan dialek Melayu di Satun. Dapatan ini seiring dengan dapatan kajian Doshi (1985) yang mendapati daerah tempat tinggal asal mempengaruhi penggunaan bahasa pelajar. Doshi yang mengkaji penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Asasi Universiti Malaya mendapati pelajar yang berasal dari bandar lebih kerap menggunakan bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar yang berasal dari kampung. Dalam kajian ini pula, responden yang berasal atau tinggal di wilayah-wilayah yang bersempadan dengan Malaysia lebih kerap menggunakan bahasa Melayu.

Dalam domain kekeluargaan penggunaan bahasa responden dipengaruhi oleh angkuh agama. Responden yang beragama Buddha menggunakan bahasa Thai dalam domain kekeluargaan, manakala sebahagian besar responden yang beragama Islam menggunakan bahasa Melayu.

Dalam domain kekeluargaan ini juga, didapati faktor umur interlocutor mempengaruhi peratusan penggunaan bahasa Melayu mereka. Peratus responden yang menggunakan bahasa Melayu dengan datuk dan nenek adalah paling tinggi. Peratusan ini menurun dalam perhubungan dengan ibu bapa dan ibu bapa saudara. Peratusan penggunaan bahasa Melayu ini semakin menurun dalam perhubungan dengan adik-beradik dan sepupu.

Dalam domain kejiwaan bahasa Melayu didapati menjadi pilihan utama responden yang beragama Islam. Umur interlocutor mempengaruhi peratusan penggunaan bahasa Melayu mereka. Semakin tua umur jiran, semakin bertambah peratusan penggunaan bahasa Melayu. Hal yang sama juga berlaku kepada peratusan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod. Penggunaan bahasa bentuk percampuran kod ini lebih tinggi apabila berhubung dengan jiran di kalangan umur dua puluh hingga enam puluh tahun, berbanding dengan penggunaannya apabila berhubung dengan jiran yang berumur enam puluh tahun ke atas. Ini kerana apabila berhubung dengan jiran yang berumur lebih daripada enam puluh tahun, mereka lebih banyak menggunakan bahasa Melayu sahaja.

### 6.2.2 Percampuran Kod

Berdasarkan analisis penggunaan bahasa dalam keenam-enam domain yang dikaji, seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 5, jelas menunjukkan percampuran kod merupakan salah satu bentuk penggunaan bahasa pelajar. Bentuk percampuran kod yang sering digunakan oleh pelajar adalah percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai. Di samping itu terdapat sebilangan kecil yang melakukan percampuran kod bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Arab atau bahasa Melayu, bahasa Thai dan bahasa Inggeris dalam domain-domain tertentu.



Didapati percampuran kod merupakan bentuk bahasa yang digunakan dalam keenam-enam domain dan peratus penggunaannya berbeza-beza mengikut domain dan umur interlokutor. Sebagai contoh dalam domain kekeluargaan, bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai digunakan oleh 11.6 peratus responden ketika berhubung dengan ibu, 9.5 peratus responden ketika berhubung dengan bapa, 19.7 peratus responden ketika berhubung dengan abang/kakak, 19.7 peratus responden ketika berhubung dengan adik, 8.8 peratus responden ketika berhubung dengan bapa saudara, 9.5 peratus responden ketika berhubung dengan ibu saudara, 19 peratus responden ketika berhubung dengan sepupu dan 4.7 peratus responden menggunakan bentuk ini untuk berhubung dengan datuk nenek.

Dalam domain kejiranan pula, didapati bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai ini digunakan oleh 19 peratus responden untuk berhubung dengan jiran yang berumur 20 tahun ke bawah, 21 peratus responden untuk berhubung dengan jiran yang berumur 21-40 tahun, 8.1 peratus responden untuk berhubung dengan jiran berumur 41-60 tahun dan 6.8 peratus responden untuk berhubung dengan jiran yang berumur 61 tahun ke atas. Daripada contoh ini dirumuskan umur interlokutor membezakan peratusan bentuk percampuran kod.

Dalam domain jual beli, penggunaan bahasa secara percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai juga dikesan. Seramai 34 peratus responden

menggunakannya ketika berhubung di kedai makan/kafetaria, 19.1 peratus menggunakannya ketika berhubung di kedai ubat/farmasi, 19.8 peratus menggunakannya ketika berhubung di kedai buku dan alat tulis, 32.6 peratus menggunakannya di pasar raya/gedung membeli belah dan 28.6 peratus menggunakannya di pasar/gerai. Keadaan ini menunjukkan faktor interlokutor amat mempengaruhi penggunaan bentuk percampuran kod. Percampuran kod kurang digunakan ketika berhubung di kedai buku/alat tulis dan di kedai ubat/farmasi, berbanding dengan di kedai makan/kafetaria, pasar raya/gedung membeli belah, gerai dan pasar. Lebih daripada 75 peratus responden dalam kajian ini beragama Islam. Mereka akan berusaha untuk mencari kedai makan yang halal, atau membeli barangan daripada penjual yang beragama Islam. Oleh itu, sudah tentulah jurujual atau dalam konteks ini interlokutor yang beragama Islam yang menjadi pilihan mereka. Dan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kebanyakan Thai Muslim adalah dwibahasa dan keadaan ini menyebabkan bentuk percampuran kod digunakan dalam perhubungan. Dalam konteks perhubungan di kedai buku/alat tulis dan kedai ubat/farmasi, responden lebih mudah menyebut nama topik atau nama-nama buku, alat tulis, dan ubat dalam bahasa Thai. Oleh itu, bahasa Thai lebih sering digunakan dan kurangnya penggunaan bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan Thai ini.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi atau menentukan rcampuran kod di kalangan responden. Seperti yang dinyatakan oleh Blom dan imperz (1972) dan Valdes-Fallis (1978), situasi, topik dan interlokutor

merupakan faktor yang menentukan percampuran kod. Dalam kajian ini, interlocutor jelas mempengaruhi percampuran kod. Semakin tua umur interlocutor semakin kurang penggunaan bentuk percampuran kod. Semakin muda umur interlocutor semakin meningkat penggunaan bentuk percampuran kod.

Dalam kajian ini bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai yang digunakan dalam domain persahabatan di dalam kampus ialah sebanyak 31.3 peratus responden, di luar kampus 34.7 peratus responden, sahabat sekampung di dalam kampus 34.7 peratus dan sahabat sekampung di luar kampus sebanyak 34.7 peratus responden. Purata penggunaan bentuk percampuran kod dalam domain persahabatan menunjukkan peratusan yang sama dan hampir sama di dalam dan di luar kampus. Jelas di sini bentuk percampuran kod lebih tinggi digunakan dalam domain persahabatan, berbanding dengan domain kekeluargaan dan kejiwaan. Sifat dwibahasa di kalangan responden dan sahabat mereka merupakan faktor yang menggalakkan penggunaan bentuk percampuran kod ini.

Seperti yang dikatakan oleh Le Wei (1995) di samping interlocutor, latar belakang pendidikan dan pendedahan terhadap bahasa mempengaruhi penggunaan bahasa penutur. Persahabatan biasanya terjalin di kalangan rakan sebaya. Bagi pelajar biasanya sahabat mereka adalah rakan-rakan mereka yang sama-sama belajar dan bermain. Dari segi pendidikan di negara Thai, rata-rata rakyat yang berumur dalam lingkungan 20 hingga 25 tahun ketika ini, telah

mendapat pendidikan dalam bahasa Thai, tidak kira sama ada mereka menuntut dalam aliran agama, mahupun aliran kebangsaan. Dengan itu, pendedahan kepada bahasa Thai sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara itu bermula apabila kanak-kanak ini menjejakkan kaki ke sekolah, iaitu sekitar umur enam tahun. Bagi kanak-kanak golongan Thai Muslim di empat wilayah di Selatan Thai, mereka telah pun menguasai bahasa Melayu dialek Patani sebagai bahasa ibunda mereka dan mempelajarinya bahasa Melayu Standard sebagai satu mata pelajaran di kelas TADIKA. Keadaan ini menjadikan mereka bersifat dwibahasa dan membolehkan mereka menggunakan bahasa dalam bentuk percampuran kod. Oleh itu dirumuskan di sini, di samping interlocutor, latar belakang pendidikan dan pendedahan terhadap bahasa juga menggalakkan penggunaan bentuk percampuran kod di kalangan pelajar dalam domain persahabatan.

Dalam domain keagamaan percampuran kod juga dapat dikesan walaupun dari segi peratusan penggunaannya kecil, iaitu 12.2 peratus ke bawah. Ada beberapa bentuk percampuran kod, iaitu percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai, bahasa Melayu dan bahasa Arab, bahasa Thai dan Arab dan bahasa Thai, bahasa Melayu dan bahasa Arab. Peratusan penggunaannya berbeza-beza mengikut situasi dan tempat. Penggunaan percampuran kod yang begini terjadi disebabkan 77.6 peratus responden adalah beragama Islam.

Tempat, situasi dan kebolehan berbahasa responden merupakan faktor yang mempengaruhi peratusan penggunaan percampuran kod. Dalam upacara

berdoa atau sembahyang di masjid atau tempat beribadat, 5.4 peratus responden menggunakan percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai, 12.2 peratus menggunakan percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Arab, 1.4 peratus menggunakan percampuran kod bahasa Thai dan bahasa Arab dan hanya 0.7 peratus yang menggunakan percampuran kod bahasa Thai, bahasa Melayu dan bahasa Arab. Dalam upacara berdoa atau sembahyang di asrama atau rumah pula, 8.2 peratus responden menggunakan percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai, 11.5 peratus menggunakan percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Arab, 1.4 peratus menggunakan percampuran kod bahasa Thai dan bahasa Arab dan hanya 0.7 peratus yang menggunakan percampuran kod bahasa Thai, bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Dalam upacara pertunangan/perkahwinan dan dalam upacara kelahiran/kematian, penggunaan bahasa Melayu melebihi 50 peratus. Namun bentuk percampuran kod digunakan oleh sebilangan kecil responden, 10.1 peratus responden menggunakan bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai dalam upacara pertunangan/perkahwinan dan dalam upacara kelahiran dan kematian, sebanyak 5.4 peratus responden juga menggunakan percampuran kod bentuk tersebut. Bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Arab pula digunakan oleh 8.2 peratus responden dalam upacara pertunangan/perkahwinan dan digunakan oleh responden yang sama dalam upacara kelahiran/kematian.

Tempat, situasi dan kebolehan berbahasa responden dan interlocutor merupakan faktor yang mempengaruhi peratusan penggunaan percampuran kod dalam domain keagamaan. Responden yang menggunakan bentuk percampuran kod dalam domain ini rata-rata terdiri daripada responden yang beragama Islam. Disebabkan penggunaan bahasa tersebut di dalam masjid dan dalam situasi yang berkaitan dengan keagamaan, yakni agama Islam, didapati bahasa Arab turut digunakan sebagai salah satu bahasa dalam percampuran kod tersebut. Walau bagaimanapun, tidak ramai responden yang tahu berbahasa Arab, maka peratusan penggunaan percampuran kod yang memasukkan bahasa Arab ini tidak banyak.

Dapatlah dirumuskan dalam kajian ini, bentuk percampuran kod dikesan dalam keenam-enam domain. Percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai paling tinggi peratusan penggunaannya disebabkan majoriti responden adalah dwibahasa, beragama Islam dan berbahasa ibunda bahasa Melayu. Faktor yang mempengaruhi penggunaan bentuk percampuran kod ini adalah interlocutor, pendidikan responden, pendedahan terhadap bahasa, topik, situasi dan tempat.

### **6.2.3 Penyesuaian Pertuturan**

Hasil daripada kajian yang dijalankan, dirumuskan bahawa penggunaan bahasa pelajar dipengaruhi oleh faktor penyesuaian pertuturan seperti yang telah dikemukakan oleh Giles (1977). Penyesuaian di sini bermaksud penutur akan bergerak ke arah memilih bahasa atau kelainan bahasa yang dapat diterima oleh

pendengarnya. Oleh itu, didapati dalam kajian ini peratusan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar tinggi apabila interlocutornya merupakan datuk dan nenek atau jiran-jiran yang berumur enam puluh tahun ke atas. Peratusan penggunaan bahasa Melayu ini berkurangan apabila mereka berhubung dengan ibu bapa atau jiran-jiran yang berumur dalam lingkungan empat puluh hingga enam puluh tahun. Dan seterusnya, peratusan penggunaan bahasa Melayu ini semakin menurun dalam perhubungan dengan adik-beradik dan sepupu atau jiran-jiran yang berumur dua puluhan ke bawah.

Dalam domain persahabatan, bahasa Melayu bukanlah menjadi pilihan utama sebaliknya hanya pilihan ketiga terbanyak. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod menjadi pilihan kedua terbanyak. Responden didapati lebih banyak menggunakan bahasa Thai, sama ada dengan sahabat di dalam kampus, ataupun luar kampus. Faktor interlocutor didapati mempengaruhi penggunaan bahasa dalam domain ini. Bagi pelajar, sahabat mereka biasanya adalah rakan sekursus atau rakan sebaya yang sama-sama mendapat pendidikan sehingga ke peringkat universiti. Oleh itu, faktor keselesaan menggunakan bahasa semasa di sekolah atau universiti mempengaruhi mereka. Dapatan kajian ini seiring dengan dapatan kajian Asmah Hj. Omar (1992) dan Norizah Ardi (1992). Faktor keselesaan memang mempengaruhi penggunaan bahasa. Menurut Asmah (1992) pemilihan bahasa juga didorong oleh faktor keselesaan.

Dalam domain pentadbiran dan pengurusan pula, bahasa Melayu didapati hampir tidak digunakan. Kalau adapun yang menggunakannya bilangannya amat kecil dan hanya untuk perbualan sahaja. Keadaan ini mengesahkan bahawa faktor dasar kerajaan seperti dalam kajian oleh Asmah Hj. Omar (1992) dan Conrad Ozog (1996) mempengaruhi penggunaan bahasa. Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 1 dan Bab 3, dasar kerajaan Thai hanya mengiktiraf bahasa Thai sahaja sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Segala urusan pentadbiran dan pengurusan, sama ada di jabatan kerajaan, bank, pejabat fakulti universiti, hospital dan klinik sudah tentulah menggunakan bahasa Thai. Responden dalam kajian ini merupakan golongan terpelajar yang dwibahasa, dan apabila berhubung dalam domain pentadbiran dan pengurusan, mereka akan menggunakan bahasa yang menjadi bahasa rasmi negara.

Dalam domain jual beli, bahasa Thai menjadi pilihan utama responden. Walaupun begitu, penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod menjadi pilihan kedua terbanyak untuk perhubungan di kedai makan, pasar raya dan pasar/gerai. Bentuk penggunaan bahasa sebegini terjadi kerana dipengaruhi oleh interlokutor, agama dan tempat. Di pasar raya dan pasar hanya penjual dan jurujual yang beragama Islam sahaja yang tahu berbahasa Melayu. Oleh itu, jika responden kenal atau tahu responden tersebut beragama Islam, maka bolehlah bentuk percampuran kod bahasa Thai dan dialek Melayu Patani itu digunakan. Sebaliknya jika interlokutor atau penjual itu beragama Buddha, maka bahasa Thai yang digunakan. Selain daripada itu, responden yang



beragama Islam apabila pergi ke gerai makan tentu akan memilih gerai makan yang halal. Dengan kata lain, mereka akan pergi ke gerai makan kepunyaan orang Islam. Maka sudah tentulah bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan Thai tersebut boleh digunakan. Tambahan pula jika gerai makan tersebut di dalam kawasan perkampungan Islam.

Dalam domain keagamaan, responden yang beragama Buddha menggunakan bahasa Thai. Bagi responden yang beragama Islam, dalam upacara berdoa/sembahyang bahasa Arab merupakan bahasa yang digunakan, di samping bahasa Melayu dan bahasa Arab secara percampuran kod. Dalam upacara pertunangan/perkahwinan dan kelahiran/kematian, bagi responden yang beragama Islam, bahasa Melayu menjadi pilihan utama. Bagi responden yang beragama Buddha, mereka menggunakan bahasa Thai.

Daerah tempat tinggal dan agama amat mempengaruhi penggunaan bahasa responden. Responden yang banyak menggunakan bahasa Melayu atau menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod didapati berasal dari wilayah-wilayah yang bersempadan dengan Malaysia. Bagi responden yang berasal atau tinggal di kawasan lain, walaupun mereka beragama Islam tetapi mereka tidak menggunakan bahasa Melayu dalam hampir kesemua domain.

#### 6.2.4 Diglosia dalam Komuniti Pelajar di Selatan Thailand

Berdasarkan bentuk penggunaan bahasa responden yang dikaji, dapat dikesan bahawa terdapatnya gejala diglosia. Bentuk diglosia dalam komuniti pelajar di Selatan Thailand ini adalah seperti dalam Jadual 6.1. Bentuk diglosia di dalam komuniti ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Gumperz (1964) dan Asmah Hj. Omar (1992), iaitu kewujudan diglosia kecil dalam diglosia yang lebih besar.

**Jadual 6.1: Bentuk Diglosia dalam Komuniti Pelajar di Selatan Thailand**

<b>H</b> Bahasa Thai	
<b>L</b> Bahasa Melayu	<b>Lh</b> Bahasa Melayu Standard
	<b>Li</b> Dialek Melayu Patani

Bahasa Thai merupakan bahasa H dan bahasa Melayu adalah bahasa L. Bahasa Thai adalah bahasa H kerana bahasa ini merupakan bahasa rasmi negara dan digunakan dalam domain yang tinggi seperti dalam domain pentadbiran dan pengurusan. Di kalangan bahasa L ini pula, terdapat diglosianya sendiri, iaitu bahasa Melayu Standard sebagai bahasa L yang tinggi atau (Lh) dan bahasa Melayu dialek Patani sebagai bahasa rendah yang rendah (Li). Bahasa Melayu ini

bahasa terhad penggunaannya di kalangan orang Islam dan dalam domain-domain yang rendah sahaja. Di kawasan kajian ini, bahasa Melayu terbahagi kepada dua iaitu bahasa Melayu pertuturan (dialek Melayu Patani) dan bahasa Melayu tulisan, yakni satu kelainan yang menyerupai bahasa Melayu Standard di Malaysia. Kelainan ini digunakan dalam upacara keagamaan seperti akad nikah dan surat nikah. Kelainan bahasa Melayu ini juga digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah agama swasta, manakala di sekolah agama kerajaan pula, bahasa Melayu dijadikan satu mata pelajaran wajib atau/dan pilihan.

Dari keadaan ini didapati bahawa walaupun kedudukan bahasa Melayu di negara ini sebagai bahasa L namun di kalangan orang Melayu Islam di Selatan Thai bahasa ini dianggap tinggi. Dengan itu, dibuat kesimpulan bahawa bahasa ini adalah bahasa bertaraf L yang tinggi, iaitu Lh manakala dialek Melayu tempatan (Patani) pula adalah bahasa yang bertaraf L yang rendah, iaitu Ll.

### **6.3 Perkaitan antara Sikap dan Penggunaan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar**

Berdasarkan analisis dalam Bab 4, jelas menunjukkan bahawa keseluruhan pelajar sama ada yang beragama Islam atau Buddha, lelaki atau perempuan bersikap positif terhadap bahasa Melayu. Sikap positif ini terserlah daripada pandangan mereka secara umum terhadap bahasa Melayu, sebab-sebab mereka

mempelajari bahasa Melayu dan motivasi mereka dalam mempelajari bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, apabila ditinjau dari segi penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar seperti yang dibincangkan dalam Bab 5, didapati angkubah agama dan domain amat mempengaruhi penggunaan bahasa Melayu pelajar. Semua pelajar yang beragama Buddha didapati langsung tidak menggunakan bahasa Melayu dalam sebarang domain. Sebaliknya, bagi pelajar yang beragama Islam bahasa Melayu dialek Patani digunakan dalam domain keagamaan, kekeluargaan dan kejranaan. Penggunaan bahasa Thai lebih dominan dalam domain pentadbiran dan pengurusan, dan juga dalam domain persahabatan.

Oleh yang demikian dapatlah dirumuskan secara umum, dalam kajian ini bagi pelajar yang beragama Buddha, sikap positif mereka terhadap bahasa Melayu tidak mempunyai kaitan dengan penggunaan bahasa mereka. Walaupun mereka bersikap positif terhadap bahasa Melayu, namun mereka tidak menggunakannya dalam sebarang domain. Mereka bersikap positif terhadap bahasa Melayu dan mempelajari bahasa Melayu seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.4, kerana Bahasa Melayu merupakan kursus wajib, tertarik kepada mata pelajaran bahasa Melayu, suka membaca bahan rujukan yang diberi oleh pensyarah, lebih berminat mempelajari bahasa berbanding pelajaran lain, berasa mudah untuk mendapat markah tinggi dan cara guru mengajar mata pelajaran tersebut menarik minat mereka.

Pelajar yang beragama Buddha ini mempelajari bahasa Melayu kerana motivasi instrumental. Ini dapat dilihat dalam Jadual 4.8. Mereka bercadang untuk bekerja di Malaysia, melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia, bercadang untuk berniaga atau berdagang di Malaysia, mudah untuk mendapat pekerjaan di Selatan Thai dan mendapatkan maklumat dan hiburan dari media di Malaysia. Didapati motivasi integratif dan motivasi identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang bukan motivasi mereka dalam mempelajari bahasa Melayu.

Sebaliknya pula, bagi pelajar yang beragama Islam sikap positif mereka terhadap bahasa Melayu dan mempelajari bahasa Melayu mempunyai kaitan dengan penggunaan bahasa mereka. Daripada Jadual 4.4, dapat dilihat lebih daripada 90 peratus responden yang beragama Islam bersetuju dengan kesemua kenyataan berhubung sebab-sebab mereka mempelajari bahasa Melayu, iaitu Bahasa Melayu merupakan kursus wajib, tertarik kepada mata pelajaran bahasa Melayu, suka membaca bahan rujukan yang diberi oleh pensyarah, banyak buku tentang agama Islam ditulis dalam bahasa Melayu, lebih berminat mempelajari bahasa berbanding pelajaran lain, berasa mudah untuk mendapat markah tinggi dan cara guru mengajar mata pelajaran tersebut menarik minat mereka.

Pelajar yang beragama Islam ini mempelajari bahasa Melayu kerana motivasi integratif, motivasi instrumental dan motivasi identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang.

Motivasi integratif seperti yang terdapat dalam Jadual 4.6 tersebut ialah, membolehkan mereka berhubung di kampung/daerah tempat tinggal mereka, memudahkan mereka berhubung kerana hendak berkahwin dengan Thai Muslim, memudahkan berhubung dengan golongan tua di kalangan Thai Muslim, kebanyakan rakan-rakan suka bertutur menggunakan dialek Melayu Patani dan untuk mudah berhubung dengan kawan-kawan dan saudara-mara yang tinggal di sempadan Malaysia.

Motivasi instrumental pula seperti yang terdapat dalam Jadual 5.8, iaitu mereka bercadang untuk bekerja di Malaysia, melanjutkan pelajaran ke kolej/universiti di Malaysia, bercadang untuk berniaga atau berdagang di Malaysia, mudah untuk mendapat pekerjaan di Selatan Thai, memudahkan mereka berdakwah, mendapatkan maklumat dan hiburan dari media di Malaysia, bahasa Melayu perlu terus digunakan dalam upacara agama dan membolehkan mereka terlibat dengan aktiviti-aktiviti masjid dan keagamaan.

Motivasi identiti dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10, iaitu galakan ibu bapa supaya mereka tahu bahasa keturunan mereka yang telah dilupakan oleh kebanyakan ahli keluarga dan saudara-mara, bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda dan bahasa nenek moyang, untuk meneruskan adat resam warisan nenek moyang, mereka berasa sebagai orang Jawi (Melayu) patut belajar dan tahu bahasa Melayu dan ibu

bapa mengatakan mereka patut belajar bahasa Melayu sekiranya ingin meneruskan tradisi dan cara hidup nenek moyang.

Berdasarkan dapatan kajian, dapatlah dirumuskan bahawa sikap mempunyai kaitan yang rapat dengan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar Islam di Selatan Thai. Namun begitu bagi pelajar yang beragama Buddha, sikap positif mereka terhadap bahasa Melayu tidak mempunyai kaitan dengan penggunaan bahasa mereka.

#### **6.4 Perkaitan Dasar Bahasa dengan Sikap dan Penggunaan Bahasa Melayu**

Bagi sesebuah negara, dasar bahasa merupakan sesuatu yang amat penting yang akan mencirikan sesebuah negara atau bangsa dalam pembinaannya. Dari sudut sosiolinguistik, dasar bahasa merupakan salah satu angkubah yang menjadi faktor kepada sikap kelompok masyarakat terhadap sesuatu bahasa. Melalui dasar bahasa ditentukan bahasa yang menjadi bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan sesebuah negara.

Sehubungan itu, di negara Thai bahasa Thai telah diperuntukkan fungsinya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan negara Thai. Menurut Worawit Baru (1999:168), semua urusan pentadbiran negara dijalankan dengan menggunakan bahasa Thai. Bahasa Thai juga berperanan sebagai bahasa berdifusi luas. Oleh itu bahasa Thai diberi nilai-nilai

tertentu seperti nilai sentimen, pentadbiran, ekonomi, sosial dan sebagainya. Bahasa Melayu pula berfungsi sebagai sebuah bahasa vernakular penduduk minoriti di negara Thai. Namun demikian, peranannya berlainan dengan bahasa vernakular yang lain di negara ini. Jumlah penutur bahasa Melayu ramai, iaitu melebihi dua juta orang, terutama di kawasan Selatan Thai. Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab 1, lebih 60% daripada penduduk di Selatan Thai adalah Thai Muslim yang bermakna asal usul mereka berbangsa Melayu dan menuturkan bahasa Melayu. Oleh itu, di Selatan Thai ini bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa yang berdifusi luas dan dikaitkan statusnya dengan agama Islam, seperti menjadi bahasa yang digunakan dalam semua urusan keagamaan, bahasa pengantar pendidikan Islam dan sebagainya.

Dari segi politik kerajaan Thai, mereka berusaha dengan gigih menentukan dan mencipta dasar untuk mengasimilasi semua penduduk Thai, khususnya golongan minoriti negara. Kerajaan Thai menganggap diskriminasi orang Thai yang berketurunan Melayu terhadap diri mereka sebagai orang Melayu di wilayah Selatan Thai menjadi salah satu halangan kepada pencapaian dasar integrasi dan asimilasi yang dijalankan oleh kerajaan. Penerimaan bahasa Thai di kalangan orang Melayu juga tidak begitu menggalakkan. Menurut Worawit Baru,

“..., langkah terawal yang harus diambil oleh kerajaan untuk menjayakan dasar peningkatan penggunaan BT ialah mengasingkan terlebih dahulu BM dengan individu Melayu demi menghapuskan perasaan setia terhadap BM yang ada pada individu



Melayu itu sendiri. Kerajaan menjalankan langkah-langkah melenyapkan dan menghilangkan istilah *Melayu* yang sekaligus mencantumkan bahasa, bangsa dan agama pada diri Melayu dan digantikan dengan istilah *Thai Muslim*. Dengan menggunakan istilah Thai Muslim, maka secara perlahan-lahan golongan Melayu pun hilang daripada Negara Thai. Yang terdapat ialah orang Thai Muslim yang terdiri daripada beberapa keturunan dan tidak didiskriminasikan dengan bahasa-bahasa rumpunnya, walaupun di dalam kenyataan hampir semua Thai Muslim itu orang Melayu.”

(Worawit Baru (1999:171))

Berdasarkan latar belakang di atas, dapatlah dikatakan dasar bahasa di negara Thai memang mempunyai kaitan dengan sikap dan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar. Dapatan kajian ini menunjukkan sikap mempunyai kaitan yang rapat dengan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar Islam di Selatan Thai. Namun begitu bagi pelajar yang beragama Buddha sikap positif mereka terhadap bahasa Melayu tidak mempunyai kaitan dengan penggunaan bahasa mereka. Ini kerana dasar asimilasi terhadap golongan minoriti yang diterapkan melalui dasar bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara hanya memberi implikasi kepada pelajar yang beragama Islam terhadap bahasa Melayu, tetapi dasar ini tidak mempengaruhi sikap pelajar yang beragama Buddha. Bagi pelajar yang beragama Buddha, bahasa Melayu yang dipelajari hanya sebagai salah satu mata pelajaran bahasa asing semata-mata. Mereka bersikap positif terhadap bahasa Melayu disebabkan mereka tertarik dengan bahasa tersebut dan kerana motivasi instrumental. Oleh itu, mereka tidak menggunakannya dalam sebarang domain.

Bagi pelajar yang beragama Islam pula, dasar bahasa mempunyai kaitan dengan sikap dan penggunaan bahasa mereka. Mereka perlu menguasai bahasa Thai kerana bahasa tersebut melambangkan identiti mereka sebagai rakyat Thai. Di samping itu, bahasa Thai juga merupakan bahasa pengantar pendidikan dan pentadbiran negara yang secara tidak langsung menjadi keperluan utama, terutamanya sebagai pelajar universiti. Bahasa Melayu (dialek Patani) pula merupakan bahasa ibunda keluarga atau nenek moyang mereka. Sebahagian besar mereka menggunakan bahasa Melayu dalam urusan kekeluargaan, di samping bahasa Melayu juga penting dalam urusan keagamaan. Keadaan ini menjadi pelajar Islam ini bersifat dwibahasa dan terjadinya bentuk percampuran kod bahasa Melayu dan bahasa Thai dalam pertuturan harian mereka.

Dasar bahasa dan persekitaran berbahasa yang sedemikian secara tidak langsung, seperti yang dinyatakan oleh Worawit Baru (1999) telah menyebabkan timbulnya situasi setia terhadap bahasa Melayu di kalangan Thai Muslim. Oleh itu melalui kajian ini, didapati pelajar yang beragama Islam bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu. Mereka mempelajari bahasa Melayu kerana motivasi yang bersifat integratif, instrumental dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/ nenek moyang mereka. Dari segi penggunaan bahasa, bahasa Melayu (dialek Pattani) digunakan oleh pelajar yang dikaji, sama ada penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya atau dalam bentuk percampuran kod dengan bahasa Thai dalam kesemua domain. Walau bagaimanapun, bahasa Melayu ini digunakan dengan dominan dalam domain kehiranan dan keagamaan.

Dirumuskan melalui kajian ini, peratusan penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar tinggi apabila interlokutornya datuk dan nenek atau jiran-jiran yang berumur enam puluh tahun ke atas. Peratusan penggunaan bahasa Melayu ini berkurangan apabila berhubung dengan ibu bapa atau jiran-jiran yang berumur dalam lingkungan empat puluh hingga enam puluh tahun. Dan seterusnya, peratusan penggunaan bahasa Melayu ini semakin menurun dalam perhubungan dengan adik-beradik dan sepupu atau jiran-jiran yang berumur dua puluhan ke bawah.

Hal yang sama juga berlaku kepada peratusan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod. Penggunaan bahasa bentuk percampuran kod ini lebih tinggi di kalangan umur dua puluh hingga enam puluh tahun, berbanding dengan penggunaannya dengan interlokutor yang berumur enam puluh tahun ke atas. Ini kerana apabila berhubung dengan interlokutor yang berumur lebih daripada enam puluh tahun, responden lebih banyak menggunakan bahasa Melayu sahaja. Oleh sebab generasi pelajar yang beragama Islam ini telah mendapat pendidikan dan persekitaran yang membolehkan mereka bersifat dwibahasa, kecenderungan untuk menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya hanya berlaku apabila berhubung dengan generasi yang berumur lebih enam puluh tahun. Penggunaan bahasa Melayu yang semakin kurang dan meningkatnya penggunaan bahasa Thai dan bentuk percampuran kod dalam perhubungan dengan generasi yang berumur enam puluh tahun ke bawah.

Dari segi sejarah, penduduk yang beragama Islam di wilayah-wilayah Selatan Thai ini mendapat pendidikan di sekolah pondok, manakala bagi yang beragama Buddha mendapat pendidikan di kuil. Menurut Pongsri Lekawatana (1994), sistem sekolah pondok ini telah berjalan lebih daripada tiga suku kurun untuk mendidik anak-anak mereka hidup sebagai orang Islam. Ini menyebabkan apabila Akta Pendidikan Wajib diperkenalkan pada tahun 1918, penduduk di wilayah-wilayah Selatan ini tetap tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan. Oleh yang demikian, menurut Worawit Baru (1999), pada tahun 1961, kerajaan Sarit memulakan dasar transformasi pondok kepada sekolah rakyat atau sekolah swasta mengajar agama Islam di bawah kawalan kerajaan. Dasar ini diadakan kerana penduduk Islam di sini tidak mahu mempelajari dan menggunakan bahasa Thai. Mereka tidak suka melanjutkan pelajarannya ke peringkat sekolah menengah setelah mereka tamat pendidikan wajib di sekolah kebangsaan. Kalaupun ada, jumlahnya amat sedikit. Mereka lebih suka belajar di sekolah pondok. Apabila sekolah pondok ini telah bertukar menjadi sekolah kerajaan atau sekolah yang mendapat bantuan kerajaan, sekolah pondok ini telah menjadi institusi pendidikan gabungan di antara agama dan akademik. Maka secara beransur-ansur bahasa Thai telah dimasukkan sebagai mata pelajaran dan menjadi bahasa pengantar bagi aliran akademik. Menurut Ahmad Omar Chapakia (2000), pada akhir tahun 1970-an, sekolah-sekolah agama yang mempunyai dua aliran menjadi tumpuan masyarakat. Keadaan ini menyebabkan kebanyakan masyarakat Islam di Selatan Thai yang bersekolah bermula pada tahun 1960-an hingga kini mendapat pendidikan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa rasmi

negara, yaitu bahasa Thai. Maka tidak hairanlah faktor umur mempengaruhi penggunaan bahasa mereka, yakni darjah penggunaan bahasa Melayu responden apabila berhubung dengan interlocutor yang berumur empat puluhan dan ke bawah semakin menurun. Bentuk percampuran kod semakin tinggi penggunaannya apabila berhubung dengan interlocutor yang berumur empat puluhan ke bawah.

Melihat kepada bentuk penggunaan bahasa Melayu di kalangan pelajar Islam ini, mencerminkan penggunaan bahasa Melayu (dialek Patani) di kalangan masyarakat Islam di Selatan Thai ini semakin lama semakin merosot. Bahasa Melayu tidak mendapat tempat dalam domain pentadbiran dan pengurusan, domain jual beli dan dalam domain persahabatan. Pelajar lebih gemar menggunakan bahasa Thai atau bahasa Melayu dan bahasa Thai secara percampuran kod. Satu penemuan lain (yakni tidak termasuk dalam tujuan kajian) yang dapat dirumuskan daripada fenomena ini ialah, bahasa Melayu mengalami penyisihan di kalangan generasi muda. Bahasa Melayu (dialek Patani) ini telah disisih oleh bahasa Thai, iaitu bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara ini. Bagi pelajar Islam ini, menguasai dan menggunakan bahasa Thai amat penting dan motivasi mereka menggunakan bahasa Thai adalah berorientasi instrumental, iaitu untuk mendapat peluang pendidikan tinggi dan pekerjaan yang baik di dalam negara mereka. Di samping itu, dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan Thai dalam memastikan berlakunya asimilasi di kalangan kaum minoriti negara itu, juga telah menimbulkan kesan terhadap penggunaan bahasa.

Walaupun pelajar bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu dan seolah-olah setia kepada bahasa Melayu, namun dari segi realitinya bahasa ini telah mula mengalami penyisihan dan diganti dengan bahasa Thai. Bagi golongan pelajar Islam ini, keadaannya adalah demi untuk meningkatkan diri dari segi ekonomi dan meningkatkan taraf sosial, mereka sebagai golongan minoriti terpaksa menggunakan bahasa kebangsaan yang lebih berprestij dan efisien kerana bahasa ini merupakan bahasa perhubungan dalam bidang pendidikan, pentadbiran dan perdagangan. Keadaan ini samalah seperti dapatan kajian-kajian yang dibuat oleh Bibi Aminah Abdul Ghani dan Abang Ahmad Ridzuan (1993), David (1996), Lim (1997) dan Nor Hisham Osman (1999) yang menunjukkan bahawa bahasa kumpulan minoriti di sesebuah negara itu dalam jangka masa yang panjang akan pupus akibat faktor sosial dan ekonomi yang berkaitan dengan pembinaan negara bangsa.

## 6.5 Kesimpulan

Rumusan di atas menunjukkan semua pelajar bersikap amat positif terhadap bahasa Melayu. Motivasi pelajar mempelajari bahasa Melayu adalah berorientasi integratif, instrumental dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang mereka. Angkubah agama mempengaruhi motivasi pelajar. Motivasi pelajar yang beragama Buddha mempelajari bahasa Melayu adalah berorientasi integratif, manakala bagi pelajar yang beragama Islam, motivasi mereka

mempelajari bahasa Melayu adalah berorientasi integratif, instrumental dan kesetiaan kepada bahasa ibunda/nenek moyang mereka.

Dari segi penggunaan bahasa Melayu pula, pelajar yang beragama Buddha tidak menggunakan bahasa Melayu dalam keenam-enam domain. Sebaliknya bagi pelajar yang beragama Islam, bahasa Melayu digunakan dengan dominan dalam domain keagamaan, kekeluargaan dan kejiwaan. Bahasa Melayu yang digunakan sama ada bahasa Melayu sepenuhnya atau secara percampuran kod dengan bahasa Thai. Dalam domain-domain lain, iaitu jual-beli, persahabatan dan pentadbiran dan pengurusan bahasa Thai yang digunakan. Didapati faktor umur interlokutor menentukan bentuk penggunaan bahasa.

Dasar bahasa didapati mempunyai kaitan dengan sikap dan penggunaan bahasa pelajar, terutamanya bagi pelajar yang beragama Islam. Dasar bahasa yang diterapkan melalui sistem pendidikan dan politik negara telah mempengaruhi sikap pelajar terhadap bahasa Melayu dan penggunaan bahasa pelajar.